

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4 / 12 / 2007

Tangkis tohmahan Hindraf

PUTRAJAYA 3 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kejayaan kerajaan melaksanakan pembangunan negara sepanjang tempoh 50 tahun lalu merupakan fakta penting bagi menangkis segala tohmahan liar kumpulan Hindu Right Action Force (Hindraf).

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan serius dalam memajukan negara demi kesejahteraan mereka tanpa mengira kaum.

Abdullah menyifatkan, tuduhan kumpulan itu bahawa kerajaan melaksanakan dasar pembersihan etnik dan melakukan kekejaman terhadap kaum India adalah melampau dan ia adalah satu pembongkaran.

"Kejayaan membangunkan negara akan menjadi fakta penting kerana rakyat dapat melihat apa yang berlaku, kejayaan pembangunan negara merupakan fakta yang paling berpengaruh bagi rakyat.

"Kejayaanlah yang akan meyakinkan rakyat bahawa kita serius, kita mahu negara kita aman dan selamat dan terus meningkat maju," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, di Dataran Perdana di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan

Rakyat bukan bodoh, rakyat tidak boleh diperbodohkan sampai 50 tahun lamanya, saya percaya rakyat Malaysia berbilang kaum, Melayu, India dan Cina tidak suka kepada tindakan seperti ini

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Hindraf mengadakan perhimpunan hari ini di ibu negara baru-baru ini dan mendakwa antara lain kononnya kerajaan mengamalkan dasar pembersihan etnik serta pembunuhan beramai-ramai terhadap kaum India di negara ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat yang berfikiran waras tidak akan percaya kerajaan mengamalkan dasar tersebut sebaliknya menghargai keamanan, ketenteraman dan kemajuan yang dinikmati di negara ini.

Beliau berkata, rakyat mengetahui bahawa sekiranya benar kerajaan melakukan perkara yang dituduh oleh Hindraf itu, negara ini tidak menjadi aman dan tidak mempunyai kestabilan politik serta meningkat maju.

"Rakyat bukan bodoh, rakyat tidak boleh

diperbodohkan sampai 50 tahun lamanya, saya percaya rakyat Malaysia berbilang kaum, Melayu, India dan Cina tidak suka kepada tindakan seperti ini.

"Rakyat Malaysia berfikiran waras, yang sebenarnya tahu apa yang berlaku di dalam negara," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan pembangunan negara dapat dipercepatkan, kakitangan sektor awam perlu meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan sistem penyampaian kepada rakyat.

"Kecekapan bukan sahaja dapat meningkatkan integriti perkhidmatan awam tetapi juga membawa kejayaan kepada usaha membangunkan negara.

"Dengan ini apa yang diinginkan oleh rakyat dapat kita berikan, permohonan mereka dapat dilaksanakan dengan baik, cepak dan menepati masa," kata beliau.

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Beliau menegaskan, kerajaan akan meneruskan usaha pembangunan dan bertekad mahu menghapuskan kemiskinan tergar menjelang tahun 2010.

"Selama ini pun saya tidak katakan kita sudah buat segala-galanya, kemiskinan masih ada walaupun golongan itu sudah kecil peratusannya iaitu 5.7 peratus berbanding dulu lebih 50 peratus.

"Kita ada kesungguhan dan kehendak (menghapuskan kemiskinan) tetapi ada orang lain yang mempunyai kehendak untuk timbulkan kekacauan oleh sebab tujuan politik yang sempit, ini adalah satu gangguan yang tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita," kata beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan tidak boleh membiarkan dakyah-dakyah palsu disebarkan di kalangan rakyat.

Beliau berkata, ini kerana ada juga golongan yang tidak tahu apa yang telah dilakukan oleh kerajaan lalu mereka memilih untuk bertindak mengikut emosi.

"Jadi sementara polis mengambil segala tindakan bagi memastikan keamanan negara, adalah penting supaya kita terus dengan usaha membangunkan negara untuk sejahtera rakyat tanpa mengira kaum," kata beliau.

um-4/12/2007